



## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

### PELUASAN LIPUTAN SKIM KEILATAN KEPADA PEKERJA ASING DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]

1. **Siapakah yang dikategorikan sebagai pekerja asing di bawah Akta 4?**
  - Pekerja **bukan warganegara Malaysia** yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah serta memiliki pas atau permit yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk bekerja di Malaysia seperti Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan lain-lain jenis pas.
  
2. **Bilakah tarikh kuatkuasa perlindungan pekerja asing di bawah Skim Keilatan?**
  - Tarikh kuatkuasa perlindungan pekerja asing di bawah Skim Keilatan adalah pada **1 Julai 2024**.
  
3. **Bilakah mulanya pembayaran caruman bagi Skim Keilatan Pekerja Asing?**
  - Semua pekerja asing yang digaji oleh majikan **WAJIB** dicarumkan dengan PERKESO di bawah Skim Keilatan berkuatkuasa pada 1 Julai 2024.
  - Bagi pekerja asing yang baharu, mulai 1 Julai 2024, majikan hendaklah mendaftarkan pekerja tersebut dan membayar caruman untuk kedua-dua skim iaitu Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan sebagaimana ketetapan yang dinyatakan dalam **soalan 4**.
  - Bagi pekerja asing sedia ada, mulai 1 Julai 2024, majikan hendaklah membayar caruman bagi Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan sebagaimana ketetapan yang dinyatakan dalam **soalan 4**.

**4. Berapakah kadar caruman yang perlu dibayar oleh majikan dan pekerja asing di bawah AKSP 1969 (Akta 4)?**

- Dengan berkuatkuasanya perlindungan Skim Keilatan untuk pekerja asing ini, majikan hendaklah membuat bayaran caruman mengikut kadar caruman (<https://www.perkeso.gov.my/perkhidmatan-kami/majikan-pekerja/kadar-caruman.html>) syer majikan dan syer pekerja asing seperti di bawah:

(a) Caruman Jenis Pertama (Skim Bencana Kerja dan Skim Keilatan)

- Bagi pekerja asing yang mula memasuki skim PERKESO atau pertama kali dicarum di bawah umur 55 tahun

(b) Caruman Jenis Kedua (Skim Bencana Kerja)

- Pekerja asing telah mencapai 55 tahun ketika mula-mula memasuki skim PERKESO; atau
- Pekerja asing yang telah mencapai umur 60 tahun dan masih bekerja

**5. Adakah potongan caruman syer majikan dan syer pekerja asing perlu dinyatakan dalam slip gaji pekerja asing?**

- Ya. Majikan hendaklah memastikan potongan caruman syer majikan dan syer pekerja asing tercatat dalam slip gaji dan hendaklah diberikan kepada pekerja tersebut.

**6. Bilakah tarikh membayar caruman bulanan PERKESO?**

- Pembayaran caruman hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 15 haribulan bagi caruman bulan sebelumnya.
- Contoh, caruman bulan Julai 2024 hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2024.

**7. Bagaimanakah pembayaran caruman boleh dibuat?**

- Majikan boleh membuat pembayaran caruman melalui kaedah berikut:
  - (a) Pembayaran melalui Online Portal (FPX)
  - (b) Perbankan internet

**8. Adakah pelaksanaan perlindungan skim keilangan kepada pekerja asing menyebabkan perubahan kepada kadar caruman pekerja asing tersebut?**

- Ya. Sila rujuk Jadual Ketiga, Jenis Pertama yang juga boleh didapati di laman web [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**9. Bagaimanakah majikan boleh mendapatkan maklumat kadar caruman baharu?**

- Majikan boleh mendapatkan kadar caruman baharu dengan melayari laman web PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**10. Adakah terdapat tempoh peralihan bagi majikan untuk mematuhi kadar caruman yang baharu?**

- Majikan hendaklah membayar kadar caruman yang baharu sepertimana yang ditetapkan mulai bulan carum Julai 2024. Walau bagaimanapun, apa-apa kelewatan dalam membayar kadar caruman yang baharu, majikan akan dikecualikan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) bagi tempoh enam (6) bulan sehingga Disember 2024 dengan syarat perlu mengemukakan permohonan rayuan FCLB.

**11. Sekiranya majikan gagal membayar caruman dengan kadar yang baharu selepas tamat tempoh peralihan, apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap majikan?**

- Majikan yang gagal membayar caruman dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan FCLB dan boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta 4 yang sekiranya disabitkan kesalahan di mahkamah, boleh dikenakan denda sehingga RM10,000.00 atau penjara sehingga 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau layari laman web rasmi PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau e-mel kepada [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my)**

**Dikeluarkan oleh:**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**Dikemaskini pada:**

**3 JULAI 2024**